

Pembikinan Filem Tunku Perlu Berhati-Hati

Oleh: PENGKAJI SEJARAH

BERITA tentang hasrat dua orang warganegara Malaysia, seorang keturunan Cina, Nancy Yeoh dan seorang lagi keturunan India, Kavita Kaur dan kebetulan pula kedua-duanya kaum wanita untuk menerbitkan sebuah filem tentang almarhum Bapa Kemerdekaan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj amat dialukan. Dan mereka ini telah memilih pengarah yang berjaya, Shuhaimi Baba sebagai pengarahnya yang dikatakan mampu untuk menjalankan tugas berat itu.

Hanya yang menjadi pertanyaan ialah siapakah yang menulis skrip tersebut kerana ia tidak boleh dilakukan oleh orang sebarang, apatah lagi dari golongan orang muda dan mungkin tidak pengetahuan dan ilmu yang mendalam tentang sejarah yang sebenar.

Dalam berita yang ditulis oleh Wong Chun Wai, dari akhbar *The Star* bertarikh 24 Mac, 06 dan disiarkan di muka depannya, ia boleh dilihat seperti ada pihak-pihak tertentu yang tidak senang hati apabila almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj yang telah diakui dan dinobatkan sebagai **Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia**.

Oleh itu mungkin ada agenda yang tersembunyi untuk mengubah sejarah seperti yang cuba dilakukan oleh bekas Ketua Komunis (MCP), Chin Peng dengan cuba mem-

pengaruhi rakyat bahawa Parti Komunis Malaya yang beliau terajui ada memainkan peranan penting untuk mencapai kemerdekaan bagi Tanah Melayu.

Sebelum itu Dato' Onn Jaafar yang memainkan peranan utama menentang penubuhan Malayan Union apabila pihak British cuba memaksa Raja-raja Melayu dan orang Melayu menerima cadangan mereka itu yang dilihat akan menghapus atau melemahkan kedudukan orang-orang Melayu di tanah air sendiri.

Sudah tentu sekali orang-orang Melayu ketika itu menentang habis-habisan kepada penubuhan Malayan UMNO kerana orang Melayu sedar yang mereka akan kehilangan segala-galanya kerana pihak British dengan dasar pecah dan perintah (divide and rule) dengan mengutamakan orang Cina dalam bidang perniagaan, orang India bekerja di estet-estet dan orang Melayu pula sebagai kakitangan kerajaan, keadaan tidak seimbang telah berlaku.

Search for 'Tunku'

By WONG CHUN WAI
chunwai@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The search for an actor to play Tunku Abdul Rahman will be launched soon for the movie 1957 set for release before the 50th national day celebrations next year.

The movie will be directed by award-winner Suhaimi Baba and be produced by Kavita Kaur and Nancy Yeoh, with the support of the Selangor royalty and several prominent figures in the state.

The production is expected to generate much excitement in the local movie industry as it is touted to be a true Malaysian docudrama which attempts to record the role of all races in the fight for independence, which then Malaya achieved in 1957.

It is understood that the script has already been completed. The movie will have a multi-racial cast and crew.

Foreign stars are being wooed to take supporting and cameo roles in the movie, which will be one of the highlights of next year's national day celebrations.

"1957 will not be the work of a political party but a story told from a Malaysian perspective, on how independence was achieved because every race played its role," a source said.

"The Malaysian aspect is important because we want to emphasise that the country belongs to

● TURN TO PAGE 3

Era Baru - 21/4/2006



Almarhum Bapa Kemerdekaan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

Bukanlah niat atau hasrat kita untuk melemahkan semangat kedua-dua penerbit ini tetapi apa yang dinyatakan di sini adalah bertujuan filem itu nanti tidak menjadi kontroversi dan tidak boleh ditayangkan kerana terdapat banyak fakta-fakta yang tidak betul

KONTROVERSI

Ketika itu tidak ada seorang pun bangsa asing yang sanggup tampil ke hadapan untuk bersama-sama berjuang dan mempertahankan negara ini (Persekutuan Tanah Melayu atau MALAYA) kecuali orang Melayu yang bermati-matian berjuang menentang pemerintahan British, Jepun, Komunis dan kemudian British.

Fakta-fakta ini penting di ambil

< Keratan akhbar *The STAR* bertarikh 24 Mac, 2006

kira oleh penulis skrip Tunku. Hanya setelah Kerajaan British menunjukkan persetujuan kepada gesaan UMNO untuk memerdekakan Malaya maka Tunku, untuk berlaku adil kepada kaum lain, telah mengajak pemimpin-pemimpin dari parti MCA dan kemudiannya MIC menyertai Parti Alliance (Parti Perikatan) supaya mereka yang sudah tinggal di negara ini dan yang tidak mahu pulang ke negara asal (Cina dan India) mereka diajak mencontohi perjuangan UMNO. Sebelum itu mereka hanya berpuas hati dengan 'meluk tubuh' dan memerhatikan saja kepada perjuangan orang Melayu.

Diharapkan mereka yang akan menerbitkan filem tentang almarhum Tunku akan benar-benar berhati-hati dan seelok-eloknya dinasihatkan mendapatkan pandangan dari pemimpin-pemimpin yang pernah berjuang bersama-sama Tunku dalam UMNO sebelum dan selepas merdeka. Mereka ini amat faham dengan apa yang sebenarnya berlaku ketika itu.

Dan janganlah disebabkan tidak berpuas hati dengan perkembangan baru-baru ini di mana UMNO telah mengingati kembali kepada peranan dan perjuangan Dato' Onn Jaafar dan sambutan yang diberikan kepada Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj apabila kembali dari London dan mendarat di Melaka dengan slogan **Merdeka! dan Hidup Melayu!** maka ada pihak-pihak yang tidak berapa senang hati dan setuju dengan slogan-slogan tersebut maka mereka mahu memastikan bangsa mereka ada memainkan peranan penting juga.

Justeru mungkin mereka tersasar dari cerita yang sebenar dengan mengatakan bukan Tunku orangnya yang mencapai kemerdekaan dan digelar Bapa Kemerdekaan. Jika fakta atau sejarah ini diubah maka akan berlaku salah faham di antara kaum yang kita mesti elakkan.

Dalam perkara ini, pakar-pakar sejarah dan Kementerian Dalam Negeri harus meneliti skrip tersebut dan dihalusi bagi memastikan ia tidak melencong dari cerita yang sebenar berlaku ketika itu. Bukanlah niat atau hasrat kita untuk melemahkan semangat kedua-dua penerbit ini tetapi apa yang dinyatakan di sini adalah bertujuan filem itu nanti tidak menjadi kontroversi dan tidak boleh ditayangkan kerana terdapat banyak fakta-fakta yang tidak betul.